

MUKA SEPULUH

DARI KACA MATA

Teo Kok Seong
 Profesor di Universiti Kebangsaan dan
 EXCO Majlis Profesor Negara



Dengan tidak menggunakan bahasa Melayu, sebagai bahasa pengantar dalam persekolahan persendirian Cina, UEC tidak selari dengan Perkara 17 Akta Pendidikan 1996"

Biarlah syarat kemasukan utama ke universiti awam kita terus guna syarat sedia ada, iaitu STPM"

Hujah bahawa Malaysia akan kerugian besar jika lepasan UEC tidak mahu diserapkan dalam universiti awam bukan sahaja meleset, tetapi angkuh"

UEC tidak penuhi syarat masuk universiti awam

Penerimaan Sijil Peperiksaan Bersepadu (UEC), peperiksaan yang dikendalikan Persatuan Lembaga Pengurus Sekolah Cina Malaysia (Dong Zong), yang juga mentadbir semua 60 sekolah persendirian Cina, sebagai antara kelayakan utama untuk permohonan ke universiti awam Malaysia akan dibincangkan Kabinet untuk membuat keputusan secara tepat lagi saksama.

Untuk ini, beberapa agensi kerajaan diminta meneliti UEC untuk memperlhat merit, baik dari segi kekuatan akademik berdasarkan sukatan pelajaran dan dari segi nasionalisme serta patriotisme Malaysia dari sisi kurikulumnya. Tidak dapat dinafikan sukatan pelajaran yang diambil dari China, Taiwan serta Singapura dan diadunkan pula dengan silibus tempatan, adalah baik.

Begitu juga kurikulumnya yang didapati peka kepada sejarah tanah air dan aspirasi negara. Dengan ini, tiada sebab UEC tidak boleh diterima, seperti dituntut sesetengah pihak. Cuma, sekalipun keadaannya yang positif, UEC masih tidak boleh diterima. Persekolahan persendirian Cina meskipun sebahagian longgar daripada sistem pendidikan negara atas dasar politik demokrasi dan liberalisme pendidikan, ia tidak sese-

kali berada dalam lingkaran pusat seperti persekolahan aliran Melayu, vernakular Mandarin dan Tamil serta agama Islam yang diurus penuh kerajaan.

Mahupun begitu, UEC tidak langsung ditolak kerajaan. Ia diterima sebagai kelayakan untuk permohonan ke Institut Pendidikan Guru, khasnya untuk pengkhususan pendidikan bahasa Mandarin. Penerimaannya oleh sesetengah negeri dalam bidang perjawatan dan lain-lain juga menunjukkan ia diperakui dan bukan ditolak bulat-bulat.

Tidak guna bahasa Melayu

Untuk tujuan meneruskan pelajaran di universiti awam, UEC yang tidak pun menjadi antara unit dalam lingkaran pusat itu, tidak boleh sesekali diberi penerimaan itu. Tambahan lagi, dengan tidak menggunakan bahasa Melayu, sebagai bahasa pengantar dalam persekolahan persendirian Cina, UEC didapati tidak selari dengan Perkara 17 Akta Pendidikan 1996. Dengan ini, jelas ia bukan aliran asas dalam sistem pendidikan negara, selain tidak pun menggunakan sukatan pelajaran dan kurikulum kerajaan. Persekolahan kebangsaan, mulai peringkat menengah dan khususnya tahap Sijil Persekolahan Tinggi Malaysia (STPM), yang menggunakan

bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu, adalah satu-satunya sendi teras dalam sistem pendidikan kita. Ia bukan sahaja utama sifatnya, tetapi juga yang sudah lama mantap sedemikian rupa. Dengan ini, hanya kelayakan STPM hendaklah diguna pakai sebagai syarat utama untuk kemasukan ke universiti awam. Perkara ini juga adil kepada sejumlah besar kalangan kita yang setia kepada sistem pendidikan negara, dengan mempercayai dan menyakininya melalui kemampuan bahasa Melayu untuk memandaikan anak bangsa dan memajukan negara.

Bukan sahaja penerimaan UEC ini tidak adil dalam konteks itu, ia juga pasti akan membuka ruang kepada pelbagai peperiksaan lain, untuk turut diterima sebagai antara syarat kemasukan utama ke universiti awam. Antaranya, General Certificate of Education Advanced Level (GCE A-level) yang dikendalikan University of Cambridge, United Kingdom. UEC yang diberi penerimaan itu menjadi contoh dan duluan yang boleh diguna pakai dalam kes mahkamah jika yang lain-lain itu ditolak.

Natijahnya di sini ialah biarlah syarat kemasukan utama ke universiti awam kita terus guna syarat sedia ada, iaitu STPM, kelayakan persekolahan menengah tinggi kita sendiri sebagai kelayakan paling utama dan satu-satunya. Biarlah pendidikan bermutu dengan kos amat murah di universiti awam kerana banyak di biaya kerajaan, ditawarkan untuk dinikmati mereka yang cekal dan tabah mengikuti sistem nasional kita, bukannya kepada mereka yang pernah sangsi terhadapnya dengan mengikuti persekolahan jenis lain.

Mengapakah mereka ini ingin memasuki lingkaran pusat pendidikan negara pada peringkat pengajian tinggi selepas keluar daripadanya pada peringkat sebelumnya atau tidak pun pernah menyertainya? Tindakan mereka ini antaranya menunjukkan sistem pendidikan kita sebenarnya baik, bukan seperti pernah disangsikan sesetengah pihak sebelum ini. Kalau tidak, masakan mereka ini mahu dan sanggup ber-

ada di dalamnya.

Sebetulnya ia baik. Ini dapat dilihat apabila ramai pelajar kita yang berkecayaan STPM diterima belajar di universiti terkemuka dunia dan lulus pula dengan cemerlang. Begitu juga halnya dengan lepasan STPM yang meneruskan pelajaran dalam negara dan berjaya pula memiliki pekerjaan yang baik, selain membina kerjaya yang cemerlang.

Mahu ambil peluang

Selain kebajikannya, tidak dapat dinafikan kos pendidikan yang amat murah ini adalah dorongan besar kepada gesaan penerimaan ini. Dengan tindakan begini, jelas sesetengah kita mempunyai sikap buruk lagi rakus untuk memiliki kedua-dua faedah, iaitu tidak mahu belajar dalam persekolahan lingkaran pusat sebelum ini dan mahu memasukinya kini. Dengan kata lain, mereka ini hanya mahu menikmati keuntungan daripada sistem yang ada.

Hujah bahawa Malaysia akan kerugian besar jika lepasan UEC tidak mahu diserapkan dalam universiti awam bukan sahaja meleset, tetapi bersifat angkuh. Seolah-olah kelulusan UEC begitu hebat selepas didakwa diterima banyak universiti luar negara.

Hujah seterusnya ialah kepentingan China yang kian meningkat di negara ini ekoran pelaburan besar-besaran kebelakangan ini. Dengan ini, sumbangan lepasan UEC didakwa bukan sahaja sangat penting, tetapi amat diperlukan. Kemahiran berbahasa Mandarin yang tinggi selain pemahaman aspirasi Cina yang baik selepas dididik sepenuhnya dalam sukatan pelajaran mengguna pakai sistem pendidikan China, kononnya ada pada mereka sahaja.

Sering timbul pertikaian pembahagian harta pusaka dan farid. Lebih mual lagi apabila pembahagian harta pusaka tidak dilakukan dengan sempurna, ada pihak yang akan teraniaya dan anak yatim dizalimi. Pengerusi kanan di Jabatan Perurusan Harta Tanah, Fakulti Pengurusan, Ekologi dan Perumahan, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Profesor Dr Ismail Omar mengulas lanjut isu ini, iaitu